

## KEMENTERIAN KEWANGAN

### PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 3 TAHUN 2010

#### BANTUAN MENGURUS JENAZAH DAN BAYARAN PENGANGKUTAN JENAZAH BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

#### TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan peraturan berhubung bantuan mengurus jenazah dan bayaran pengangkutan jenazah pegawai Perkhidmatan Awam.

#### LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 14 Tahun 1993 menetapkan tatacara bagi pembayaran bantuan mengurus jenazah dan bayaran pengangkutan jenazah pegawai Perkhidmatan Awam yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan kepada waris pegawai. Perbendaharaan bersetuju supaya peraturan tersebut disemak semula selaras dengan keadaan semasa.

#### TAFSIRAN

3. Melainkan sesuatu itu jelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:
- 3.1 "Bantuan Mengurus Jenazah" bermakna bantuan kewangan yang diberikan kepada waris pegawai atau pihak yang menguruskan jenazah pegawai yang meninggal dunia dalam perkhidmatan untuk apa-apa tujuan yang berkaitan dengan kematian pegawai tersebut;
  - 3.2 "Ketua Jabatan" bermakna pegawai yang terkanan yang mengetuai sesuatu pejabat.

- 3.3 "Waris Pegawai" bermakna:
- i) isteri dan anak-anak bagi pegawai lelaki yang telah berkahwin;
  - ii) suami dan anak-anak bagi pegawai perempuan yang telah berkahwin; atau
  - iii) ibu bapa bagi pegawai bujang.
- 3.4 "Bantuan Pengangkutan Jenazah" bermakna bayaran untuk membawa jenazah dari tempat kematian ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat.

## KELAYAKAN

4. Bantuan Mengurus Jenazah dan Bayaran Pengangkutan Jenazah bagi pegawai yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, sama ada di dalam atau di luar tugas rasmi adalah layak diberi kepada pegawai-pegawai berikut:
- 4.1 pegawai lantikan tetap;
  - 4.2 pegawai kontrak (*contract of service*);
  - 4.3 pegawai sementara; dan
  - 4.4 pegawai sambilan.

## KADAR BANTUAN

5. Kadar bantuan kepada waris pegawai adalah seperti berikut:
- 5.1 bayaran Bantuan Mengurus Jenazah sebanyak RM3,000; dan
  - 5.2 bayaran pengangkutan jenazah mengikut kadar perbelanjaan sebenar yang munasabah dan disokong dengan resit.

## PERATURAN PEMBAYARAN

6. **Bantuan Mengurus Jenazah**
- 6.1 Apabila mendapat berita kematian seseorang pegawai di bawah seliaannya, Ketua Jabatan hendaklah dengan seberapa segera mendapatkan pengesahan kematian pegawai dan mengisi borang seperti di **Lampiran A**.
- 6.2 Bantuan Mengurus Jenazah hendaklah dibayar secara tunai atau cek atau bayaran pindahan secara elektronik (EFT) atau mana-mana gabungan yang sesuai kepada waris terdekat pegawai yang meninggal dunia mengikut keutamaan seperti berikut:
- (a) bagi pegawai yang sudah berkahwin adalah isteri atau suami pegawai yang meninggal dunia. Jika pegawai mempunyai isteri lebih daripada seorang, bayaran akan diberikan kepada

- isteri yang menanggung perbelanjaan mengurus jenazah tersebut; atau
- (b) bagi pegawai yang duda/ janda adalah anak pegawai yang berumur 18 tahun ke atas; atau
  - (c) bagi pegawai bujang adalah ibu atau bapa pegawai.
- 6.3 jika pegawai tidak mempunyai waris terdekat dan jenazah diuruskan oleh mana-mana ahli keluarga pegawai, maka Bantuan Mengurus Jenazah bolehlah diberikan kepada orang yang menanggung perbelanjaan mengurus jenazah tersebut; atau
- 6.4 jika jenazah tidak mempunyai waris, maka Ketua Jabatan boleh memberikan Bantuan Mengurus Jenazah kepada pihak yang menguruskan jenazah tersebut.
- 7. Bayaran Pengangkutan Jenazah**
- 7.1 Bayaran Pengangkutan Jenazah hendaklah dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar yang munasabah dan disokong dengan resit;
  - 7.2 tuntutan ini hendaklah dikemukakan oleh waris atau pihak yang telah menerima Bantuan Mengurus Jenazah seperti di perenggan 6.2, 6.3 dan 6.4; dan
  - 7.3 sekiranya kemudahan pengangkutan jenazah disediakan oleh jabatan atau ditanggung oleh pihak lain, Bayaran Pengangkutan Jenazah bagi perjalanan tersebut tidak lagi boleh dituntut.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

8. Ketua Jabatan hendaklah memastikan supaya:
- 8.1 bayaran dibuat kepada waris pegawai atau pihak lain yang menguruskan jenazah dengan segera. Sekiranya bayaran dibuat secara tunai, waris atau pihak terlibat menandatangani surat akuan menerima bayaran seperti di **Lampiran B** dan sekiranya bayaran dibuat melalui cek, Ketua Jabatan perlu memastikan supaya Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos mengeluarkan baucar pembayaran tersebut dengan serta merta. Jika bayaran dibuat melalui cek atau EFT, **Lampiran B** tidak perlu diisi. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan hendaklah memastikan rekod-rekod mengenai pembayaran disimpan dengan teratur;
  - 8.2 kadar tuntutan Bayaran Pengangkutan Jenazah adalah munasabah;
  - 8.3 maklumat-maklumat mengenai bantuan ini dicatitkan di dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan Pegawai; dan

8.4 dalam tempoh sebulan selepas bayaran dibuat, maklumat-maklumat berikut diperolehi dan disimpan dengan teratur:

- (a) salinan Sijil Kematian yang diakui sah; dan
- (b) salinan surat akuan penerimaan (**Lampiran B**) dan rekod pembayaran.

## **SYARAT DAN PERATURAN LAIN**

9. Bayaran Menguruskan Jenazah boleh terus dibuat dan tidak memerlukan Penyata Perubahan Kew. 8.
10. Peraturan mengenai pengangkutan jenazah pegawai Perkhidmatan Awam yang meninggal dunia di luar negeri adalah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 13 Tahun 1982 dan pindaannya.
11. Selain daripada peraturan di atas, pegawai yang bertukar Wilayah atau berkhidmat di luar negeri juga layak menerima kemudahan tambang bagi ahli keluarga seperti yang ditetapkan di bawah Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2003 dan pindaannya serta Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1994 dan pindaan.

## **PEMAKAIAN**

Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.


## **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **15 Oktober 2010**.

## **PEMBATALAN**

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling dan Surat Pekeliling berikut dibatalkan:

- i. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1993; dan
- ii. Hara (ii) dan (iii), Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 14 Tahun 1993.

  
**(Tan Sri Dr. Wan Abd. Aziz Wan Abdullah)**  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Putrajaya

 November 2010

s.k.:

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**LAMPIRAN A**  
**(PP Bil. 3 Tahun 2010)**

**PENGESAHAN KETUA JABATAN**

1. Saya mengesahkan bahawa saya telah menerima laporan bahawa pegawai di pejabat saya bernama..... No. Kad Pengenalan ..... No. Gaji ..... telah meninggal dunia pada ..... iaitu semasa dalam Perkhidmatan Kerajaan.
  
2. Saya mengesahkan\* bahawa:
  - i.  pegawai ini mempunyai waris/ ahli keluarga terdekat yang boleh dibayar bantuan mengurus jenazah iaitu Encik/ Puan/ Cik .....  
Alamat.....  
.....  
No. Kad Pengenalan.....  
Hubungannya dengan pegawai ialah.....
  
  - ii.  pegawai tidak mempunyai waris/ ahli keluarga terdekat dan jenazah diuruskan oleh .....  
Alamat .....  
No. Kad Pengenalan ..... Bayaran Mengurus Jenazah boleh dibayar kepada pihak berkenaan.

Tandatangan :  
Nama Pegawai :  
Jawatan :  
Cop Pejabat :  
Tarikh :

\*Sila tandakan dalam kotak yang berkenaan.

**LAMPIRAN B**  
**(PP Bil. 3 Tahun 2010)**

**SURAT AKUAN PENERIMAAN BAYARAN TUNAI  
BANTUAN MENGURUS JENAZAH**

1. Saya ..... (No. Kad Pengenalan ..... ) yang bertandatangan di bawah, beralamat di .....  
.....  
..... dengan ini mengaku telah menerima wang tunai berjumlah RM ..... (Ringgit Malaysia ..... ) daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia sebagai bayaran Bantuan Mengurus Jenazah ..... (No. Kad Pengenalan ..... ) seorang anggota Perkhidmatan Awam yang bertugas di Jabatan .....  
.....

Tandatangan:

Sebagai pengesahan, tandatangan di atas telah disaksikan oleh:

Tandatangan : .....

Nama : .....

Alamat : .....

.....  
.....

No. Kad Pengenalan : .....

Tarikh : .....